

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 FEBRUARI 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Ramai remaja bijak siber	Metro Ahad
2	Ekspedisi pelayaran saintifik 2016	Metro Ahad
3	Getting soaked on CNY	Sunday Star
4	Vital to learn science	Sunday Star
5	Wet start to Fire Year	Sunday Star



TEKANAN rakan sebaya antara masalah menerusi Internet.

Ramai remaja bijak siber

■ Hari Internet Selamat usul ibu bapa dan anak kongsi pengalaman hindari risiko

Oleh Aniza Zainudin
anizazainudin@metro.com.my

Berbanding dengan masalah sendiri hingga menjejaskan rutin di rumah dan sekolah, remaja memilih untuk berkongsi kesedihan bersama ibu bapa malah ada yang mengambil langkah bijak dengan membuat laporan polis demi melindungi diri.

Laporan Kajian Kebangsaan Digi CyberSAFE 2015 membabitkan 18,000 pelajar sekolah mendedahkan remaja menetapkan skala 3.99 daripada 5 (tertinggi) mempercayai ibu bapa menjadi satu saluran terbaik bagi membantu mereka sekiranya berdepan isu buli siber.

Pengurus Program Kestarian Digi, Philip Ling berkata, lebih 93 peratus pelajar sekolah berusia antara 11 hingga 18 tahun di seluruh negara termasuk pedalaman Sabah menggunakan kemudahan Internet dalam kehidupan harian.

"Menariknya, golongan remaja ini menyedari alternatif dan strategi terbaik sekiranya mereka berdepan isu negatif ketika melayari Internet.

"Ini termasuk menukar tetapan privasi ataupun menyekat individu tidak

dikenali, mengadu pada guru dan pihak berkuasa dan meminta bantuan teman.

"Pendidikan secara berterusan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada pelajar untuk melindungi maklumat privasi dan diri daripada risiko jenayah siber.

"Pada masa sama, tidak dinafikan wujud kalangan remaja memilih untuk menyembunyikan masalah terutama buli siber dan tekanan rakan sebaya daripada pengetahuan ibu bapa.

"Wujud persepsi dalam diri remaja, jika masalah itu didedahkan kemungkinan ibu bapa akan menyekat penggunaan Internet.

"Justeru, kita mengambil inisiatif merapatkan jurang kefahaman antara dua pihak, lantas memudahkan ibu bapa dan anak saling berkongsi pengalaman," katanya.

Tegasnya, ibu bapa tidak seharusnya menyekat penggunaan Internet untuk remaja, sebaliknya bertanggungjawab memberikan kesedaran bahawa kemudahan berkenaan boleh diguna demi perkara yang membina kepantasan diri, bukan sekadar sosial.

Menurut Philip, ibu bapa

“Pendekatan secara berbincang secara terbuka antara dua pihak dapat mengurangkan risiko bahaya remaja dalam penggunaan aplikasi dalam talian”

MOHD SHAMIL

perlu berbincang secara terbuka bersama anak mengenai penggunaan dan penyalahgunaan Internet. Pastinya ibu bapa harus

mempersiapkan diri dengan ilmu untuk mendidik anak anak.

"Perkembangan dunia teknologi terlalu pantas. Hampir setiap hari wujud aplikasi sosial terbaru dan pelbagai fungsi, malah rema-

ja antara individu terawal menguasai aplikasi berkenaan.

"Ibu bapa pasti terkejut-kejut mengikuti perubahan itu, tatkala ibu bapa berjaya menguasai aplikasi berkenaan, remaja pula sudah bertukar ke aplikasi berbeza.

"Tidak dinafikan ada ibu bapa sukar untuk menentukan kaedah terbaik untuk berbincang. Penggunaan bahasa mudah dan memulakan perbualan santai, antara



KERATAN AKHBAR METRO AHAD (RENCANA) : MUKA SURAT 47 TARIKH : 7 FEBRUARI 2016 (AHAD)



langkah awal perlu dilakukan.

"Perbualan santai ini membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengetahuan, memudahkan perbincangan untuk berbicara mengenai faedah dan risiko penyalahgunaan Internet."

"Tindakan ini membuatkan anak lebih selesa untuk berkongsi pengalaman dan mengetahui ibu bapa sentiasa di sisi untuk membantu," jelasnya yang juga memperkenalkan buku panduan ibu bapa, Cara Untuk Berbincang Tentang Internet Dengan Anak-anak Anda oleh Digi, UNICEF Malaysia dan Telenor Group.

Sementara itu, Ketua Jabatan Rangkaian Luar dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia, Mohd Shamil Mohd Yusoff berkata, ibu bapa dan anak perlu memiliki pengetahuan siber terutama aspek keselamatan serta privasi.

"Pendekatan berbincang secara terbuka antara dua pihak dapat mengurangkan risiko bahaya remaja dalam penggunaan aplikasi dalam talian."

"Kenal pasti risiko setiap aplikasi yang diguna, kemas kini peranti antivirus, penukaran kata laluan dengan kekerapan berkala dan penggunaan Internet di tempat terbuka dalam pemantauan keluarga, antara langkah boleh dipraktikkan kepada anak."

"Tidak dinafikan, segelintir ibu bapa menetapkan syarat penggunaan Internet sesudah menyelesaikan tugas sekolah mahupun menerima keputusan cemerlang."

"Tawaran itu antara kaedah baik untuk memberikan pendedahan teknologi kepada anak, tambahan pula dunia menuju ke era digital dan selayaknya generasi muda mesra Internet."

• Pendidikan secara berterusan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada pelajar untuk melindungi maklumat privasi dan diri daripada risiko jenayah siber

PHILIP LING



REMAJA bijak mencari alternatif menyelesaikan masalah.



SAMBUTAN SID 2016.

"Namun, ibu bapa tidak harus leka dalam menyusun peraturan yang lebih disiplin supaya ia berkesan melindungi anak daripada jenayah siber yang tidak disedari sama ada dalam kalangan rakan mahupun penjenayah," katanya ketika ditemui.

Sejajar dengan sambutan 'Safer Internet Day 2016' (SID, Hari Internet Selamat) yang diraikan pada 9 Februari di seluruh dunia, bertemakan 'Play Your Part For Better Internet', Mohd Shamil menegaskan bahawa

Internet selamat tidak hanya tertumpu pada golongan kanak-kanak, bahkan semua pengguna peibagai peringkat usia.

Katanya lagi, kebanyakan pengguna Internet tidak menitikberatkan aspek keselamatan siber dan melindungi maklumat privasi, justeru program kesedaran harus dilaksanakan secara berterusan pada peringkat sekolah mahupun organisasi.

"Berbekalkan ilmu dan kefahaman mengenai keselamatan Internet, pengguna bijak boleh bertindak seba-

gai peneraju persekitaran siber yang selamat."

"Penggerak ini sentiasa berfikir dan bersedia mengenai isu keselamatan termasuk buli siber dan perkongsian info menerusi laman sosial. Sebelum ia dikongsikan bersama teman, individu ini terlebih dulu membuat kajian dan pertimbangan sebelum diviralkan."

"Amalan penggunaan Internet secara positif juga memberi inspirasi kepada rakan lain, terutama mengemas kini status tanpa me-

nyentuh hal peribadi terutama lokasi kediaman, yang memungkinkan kehadiran penjenayah."

"Pengguna juga perlu lebih proaktif bagi melindungi diri, merangkumi aplikasi antivirus dan kata laluan."

"Dinasihatkan satu akaun mempunyai satu kata laluan, bukannya menggunakan satu kata laluan sama untuk akaun berbeza. Jika ini berlaku, secara tidak langsung individu dengan sengaja membuka jalan mudah buat penggodam mencuri maklumat diri," jelasnya.

KERATAN AKHBAR METRO AHAD : MUKA SURAT 32 & 33 TARIKH : 7 FEBRUARI 2016 (AHAD)

EKSPEDISI PELAYARAN SAINTIFIK

2 0 1 6

KRU



Dr Mohamad Huzaimi Jusoh
(Ketua ekspedisi)

- Mewakil Universiti Teknologi Mara (UTM)
- Mengumpul data dalam bidang elektromagnetik bumi terhadap perubahan cuaca
- Kajian ini mendapat kerjasama Pusat Sains Cuaca Angkasa dan Pendidikan Antarabangsa (ICSWE), Universiti Kyushu, Jepun



Dr Wan Mohd Rauhan Wan Hussin

- Dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- Mengumpul data dalam bidang ekosistem dan biodiversiti di barat Antartika
- Wan Mohd Rauhan pernah menjalankan kajian bersama saintis Korea selama tujuh minggu di Stesen Kajian King Sejong, Antartika pada Disember 2013 hingga Januari 2014



Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir

- Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Mengumpul data dalam bidang sains atmosfera dengan kerjasama University of Cambridge, United Kingdom



Dr Goh Thian Lai

- Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Mengumpul data dalam bidang sains bumi

Bermula 18 Januari lalu, seramai lapan saintis Malaysia memulakan ekspedisi saintifik ke Antartika bagi melakukan beberapa siri kajian dalam bidang sains biologi, sains ekologi, kimia atmosfera, sains bumi, sains astronomi dan sains astrofizik. Ekspedisi yang membabitkan pelayaran

merentas benua paling sejuk di Hemisfera Selatan ini menjelajah ke lapan lokasi di Antartika bermula di Pelabuhan Ushuaia, Argentina. Pelayaran yang akan merentas kira-kira 4,000 kilometer ini akan menjelajah ke lapan lokasi utama di Antartika membabitkan kawasan

King George Island, Greenwich Island, Deception Island, Davis Coast, Danco Coast, Graham/Loubet Coast, Adelaide Island dan Barry Island. Menariknya ekspedisi ini kerana ia membabitkan pelayaran menggunakan kapal layar khas dikenali sebagai 'Australis'.

Dibina khusus untuk pelayaran latitud tinggi, 'Australis' dilengkapi dengan kemudahan bagi menyokong sebarang bentuk ekspedisi, kemudahan untuk saintis, kru penggambaran filem, jurugambar, pendaki, artis, peninjau fauna, penyelam, pengembara serta peluncur.

LALUAN EKSPEDISI ANTARTIKA 2016

18 JAN 2016
Ushuaia

8 FEB 2016
Ushuaia

5 FEB 2016
Ushuaia

3-4 FEB 2016
Kepulauan King George

30 JAN -
2 FEB 2016
Kepulauan King George

22 JAN 2016
Kepulauan King George

23-24 JAN 2016
Kepulauan Greenwich

23-24 JAN 2016
Kepulauan Deception

25 JAN 2016
Davis Coast

26 JAN 2016
Danco Coast

27 JAN 2016
Graham/Loubet Coast

28 JAN 2016
Kepulauan Adelaide

30 JAN -
2 FEB 2016
Kepulauan Barry

- Seluas 5.4 juta kilometer persegi
- 98 peratus muka bumi Antartika diselaputi ais
- Kadar ketebalan ais di Antartika mencecah 1.9 kilometer



KERATAN AKHBAR METRO AHAD : MUKA SURAT 32 & 33 TARIKH : 7 FEBRUARI 2016 (AHAD)



Dr Emienour Muzalina Mustafa
• Dari Universiti Malaya (UM)
• Mengumpul data dalam bidang sains ekologi dan biologi



Dr Foong Swee Yeok
• Dari Universiti Sains Malaysia (USM)
• Mengumpul data dalam bidang sains biologi



Muhammad Hilal Mohd Zainudin
• Dari Universiti Sains Malaysia (USM)
• Mengumpul data sains bumi dan sains ekologi



Anisah Zulfa Abdul Latif
• Dari Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU)
• Mengumpul data dalam lapangan sains bumi, kimia atmosfera dan sains biologi



KRU yang terbabit dalam ekspedisi



KAPAL Auroralis yang digunakan dalam ekspedisi Antartika 2016




JALUR Gemilang direntangkan di bumi Antartika

AUSTRALIS

- Sepanjang 23 meter
- Dibina untuk pelayaran latitud tinggi
- Dikategorikan sebagai kapal layar komersial kategori 0 (Zero Unrestricted Vessel)
- Boleh membawa sembilan penumpang dan kru
- Australis khusus bagi pelayaran di Hemisfera Selatan termasuk Antartika, dan Kepulauan South Georgia

SPEKIFIKASI

- Enjin Gardner 180 kuasa kuda
- Generator 13.5kva Onan diesel (240 Volt)
- Generator sandaran 27kva Yanmar diesel (240 Volt)
- Ruang tingkap di atas puncak layar
- Pelantar angkat
- Pembuat air (2 liter setiap minit)
- Tangki simpanan 450 liter untuk bahan api sangkut
- Kelengkapan navigasi seperti radar, GPS, auto pilot, carta elektronik dunia, akses satelit, Internet, WIFI,
- telefon satelit dan radio jarak jauh
- Makmal basah
- Makmal kering
- Makmal komputer
- Penyjuk (390 liter pada suhu -18°C) dan peti sejuk (terbesar 450 liter pada 4°C) keupayaan penyimpanan
- Satelit Penerima Imej Cuaca NOAA
- Termal bacaan
- Satelit ENVISAT
- Kartografi jenis topografi
- Satelit SWATH



23 meter

INFO

- Bermula 18 Januari 2016 dan berakhir 8 Februari 2016
- Pelayaran selama 22 hari menggunakan kapal layar Australis
- Seramai lapan saintis tempatan terbabit dalam pelayaran
- Ekspedisi bermula di Pelabuhan Ushuaia, Argentina
- Bakal belayar sejauh 4,000 kilometer
- Ekspedisi akan menjelajah ke lapan lokasi di Antartika iaitu King George Island, Greenwich Island, Deception Island, Davis Coast, Danco Coast, Graham/Loubet Coast, Adelaide Island dan Barry Island
- Ekspedisi ini adalah penjelajahan yang dibiayai geran penyelidikan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Kos ekspedisi RM450,000

INFOGRAFIK
METRO AHAD

MOMO AZAM
SHARI YACOB
Wartawan



FALIMY
NASHIM
Grafik

Wet start to Fire Year

Usually when the Lunar New Year arrives, it is accompanied by warm weather and sunshine. Not this year, though. It's been raining non-stop in Malacca, Johor and Negri Sembilan, bringing with it flash floods and evacuations. The Malaysian Meteorological Department, however, is optimistic that the Year of the Fire Monkey will bring back the warmth and quashed talk that the country's temperature will plummet to 16°C.

> See reports on Page 6

Getting soaked on CNY

Weatherman predicting rainfall and thunderstorms

By NURBAITI HAMDAN
nurbaiti@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Year of the Fire Monkey is off to a wet start with the weatherman predicting isolated rainfall and thunderstorms in many parts of Malaysia on the first day of Chinese New Year.

Despite the fire element in the Chinese zodiac sign, the nation looks set to experience cooling weather from the rain instead of warm sunshine.

According to the weather forecast by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia), Kelantan, Terengganu, Pahang, east Johor and several divisions in Kudat and Sandakan in Sabah will experience isolated rainfall over the coastal areas in the morning of Chinese New Year tomorrow.

Isolated thunderstorms are expected to hit Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negri Sembilan, Malacca, Johor, Pahang and divisions of Interior and west coast of Sabah during the afternoon.

Similar weather will continue on the second day of the Lunar New Year with isolated thunderstorms in the afternoon expected in Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negri Sembilan, divisions in Kuching, Samarahan, Betong, Sarikei and Limbang in Sarawak, as



Blocked path: Residents at Kampung Pengkalan near Alor Gajah were left stranded due to flash floods.

well as divisions of Interior and west coast of Sabah.

MetMalaysia director-general Datuk Che Gayah Ismail said there could be flash floods if the thunderstorms were severe, especially if coupled by poor drainage systems in the districts.

Yesterday, more than 400 people had to be evacuated from several districts in Malacca, Johor and

Negri Sembilan because of flash floods.

Despite the cooler weather from the rain, Malaysians should not be bundling up anytime soon as the rumoured "extreme cold weather" which came up in social media was far from the truth.

The Star had earlier debunked an unverified news report that went viral online, which predicted that

Malaysia would experience cold weather during the Chinese New Year period.

Che Gayah said such a claim was "untrue", adding that the temperature would remain within the normal range throughout February.

"The statement was not from me. The lowest temperature of 16°C was actually referring to last year's minimum temperature," she said.

Vital to learn science

THE advancement of Science and Technology plays a pivotal role in our nation's modernisation, industrialisation and development of our economic sectors.

As the country prepares to join the ranks of developed nations by 2020, education in particular Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) play a vital role in preparing and equipping our young generation to compete in a global world.

Science teachers need to play a critical role in enacting the science curriculum in the classroom.

This is because the interface between the curriculum and the students is the teacher.

Our schools face challenges and problems in the teaching and learning of science.

A keen emphasis on public examinations has led to teaching being mainly geared towards passing these examinations.

Practical and experimentation are often sacrificed since these do not form a significant percentage in the overall marks.

Science being an empirical subject invites students to explore and inquire in order to

gain knowledge and make conclusions on their own.

A report published by the Science, Technology and Innovation Ministry states that 39.4% of the Malaysian public thought that science subjects are difficult and perceive that the approach in teaching Science and Technology subjects is too academic.

We have yet to achieve the ratio 60:40 of science against non science policy introduced since 1960; students are shying away from science related courses even though they have the minimum requirement.

In the Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2011 and Programme for International Student Assessment (Pisa) 2012, our students showed a dismal performance in the international arena.

Hopefully science teachers in schools would encourage their students to inquire, explore and construct scientific ideas in a critical, creative and innovative manner.

SAMUEL YESUIAH
Seremban